

Yaacob: Pemerintah tidak campur urusan dalaman badan Melayu

Perjelas bantuan kewangan kepada badan bantu diri tidak seharusnya diguna bagi tujuan politik

Oleh AZAHAR MOHD
azahar@sph.com.sg



DR YAACOB IBRAHIM: Bantuan kewangan bagi mempertingkatkan masyarakat. – Foto fail

PEMERINTAH tidak campur tangan dalam urusan dalaman badan-badan Melayu/Islam, tegas Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim.

Pada masa yang sama, beliau menekankan bahawa bantuan kewangan yang disediakan pemerintah kepada badan-badan bantu diri tidak seharusnya digunakan untuk tujuan politik atau kegiatan yang mempunyai agenda politik.

Dr Yaacob mengatakan demikian semalam ketika diminta mengulas tuduhan yang dibuat mantan anggota Lembaga Pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Mohd Nizam Ismail.

Menyusuli peletakan jawatannya sebagai anggota lembaga pengarah AMP dan juga sebagai pengerusi sayap penyelidikan AMP, Rima, Isnin lalu, Encik Nizam mendakwa pemerintah telah mengancam akan menghentikan pembiayaan bagi AMP selepas beliau menyertai bantahan di Hong Lim Park selain menyertai forum yang dianjurkan Sayap Belia Parti Pekerja (WP).

Mengulas kenyataan itu, Dr Yaacob berkata: "Dalam melaksanakan tugas selaku Menteri, saya mengadakan pertemuan dengan para pemimpin pertubuhan Melayu/Islam dari masa ke masa.

"Ini membantu saya memahami dengan lebih mendalam tujuan dan inisiatif mereka supaya kami boleh bekerjasama dalam membantu masyarakat. Saya telah lakukan ini sejak 10 tahun lalu. Menteri lain juga berbuat demikian.

"Walaupun pelbagai isu dibangkitkan dalam pertemuan-pertemuan serupa ini, kami tidak terlibat dalam urusan dalaman sesebuah pertubuhan."

Dr Yaacob membayangkan bahawa Encik Nizam, seorang peguam dan aktivis masyarakat sivil, mempunyai kecenderungan bergerak aktif dalam politik.

Semalam, Encik Nizam menulis dalam blognya di nizamosaurus.wordpress.com mengatakan bahawa beliau telah menerima

panggilan daripada Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, pada Sabtu lalu.

"Beliau (Encik Azmoon) memaklumkan kepada saya bahawa beliau menerima panggilan berasingan daripada dua Menteri yang melahirkan keprihatinan tentang (1) penyertaan saya sebagai speaker di bantahan Hong Lim Park; (2) penyertaan saya sebagai anggota panel di seminar Sayap Belia Parti Pekerja (WP); dan (3) kecenderungan kritikal saya di media sosial.

"Encik Azmoon berkata saya "jangan terlalu bergiat aktif" dalam kegiatan serupa itu. Jika tidak, pemerintah akan menarik balik semua pembiayaan yang diberikan kepada AMP," dakwa Encik Nizam lagi.

Menjawab tuduhan itu, Dr Yaacob berkata: "Apa yang jelas dalam komen yang dibuat oleh Encik Nizam ialah keinginan beliau untuk bergerak aktif dalam politik.

"Pemerintah memberi bantuan kewangan dan bantuan lain kepada badan-badan bantu diri dalam usaha mempertingkatkan masyarakat.

"Pemerintah menganggap AMP sebagai badan bantu diri Melayu/Islam yang utama seperti Mendaki dan memberi bantuan untuk membolehkan AMP menangani isu-isu sosial dan pelajaran dalam masyarakat kita.

"Namun bantuan-bantuan ini tidak harus digunakan untuk membantu kegiatan politik atau badan bantu diri menjalankan agenda politik."

Dr Yaacob turut menegaskan bahawa badan-badan Melayu/Islam termasuk AMP telah menjalankan tugas yang baik, sama ada secara sendirian atau sebahagian daripada Forum Pemimpin Masyarakat (CLF).

"Kita akan terus bekerjasama demi kebaikan masyarakat dan juga Singapura," jelas Dr Yaacob lagi.

Dalam kenyataannya kelmarin, AMP menyatakan ia berpegang erat pada prinsip utamanya, iaitu kebebasan, tiada berpihak dan kerjasama kritikal dengan semua pihak yang berkongsi misinya dalam masyarakat.

OCBC kemuka saman tuntutan hutang

SEBUAH bank setempat telah mengemukakan writ saman terhadap mantan anggota Lembaga Pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Mohd Nizam Ismail, pada bulan lalu.

Saman itu dikemukakan oleh OCBC Bank bagi menuntut hutang berjumlah \$33,142 daripada Encik Nizam.

Hasil dokumen daripada Biro Khidmat LawNet & CrimsonLogic menunjukkan bahawa saman itu dikemukakan pada 12 Mac lalu.

Tuntutan hutang itu dibuat ke atas dua kad kredit milik Encik Nizam – masing-masing berjumlah \$21,526 dan \$11,616.

OCBC memfailkan aduan majistret di Mahkamah Rendah supaya tuntutan kesnya dapat didengar di mahkamah.



ENCIK MOHD NIZAM ISMAIL: Tidak hadir di mahkamah semasa kes samannya dikemukakan.

Encik Nizam sebagai pihak defendan tidak diwakili peguam manakala pihak bank mendapatkan khidmat Cik Joycelyn

Liu Sefen daripada firma guaman Hin Tat Augustine & Partners.

OCBC Bank telah juga mengemukakan afidavit, kos guaman, khidmat memorandum dan sivil ketidakhadiran.

Encik Nizam tidak hadir di mahkamah semasa kes samannya dikemukakan.

Kes itu selesai didengar di mahkamah pada 3 April lalu.

Namun tidak segera diketahui apakah keputusan mahkamah terhadap tuntutan tersebut.

Ketika ditanya menerusi e-mel mengenai masalah kewangan itu, Encik Nizam menjawab:

"Your questions are totally out of order". (Soalan anda sama sekali tidak kena pada tempatnya)

Anggota lembaga AMP: Nizam perlu patuh prinsip badan tersebut

DASAR Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang menggenggam prinsip utamanya iaitu kebebasan dan tidak berpihak kepada sesiapa amat jelas.

Kegiatan mantan anggota lembaga pengarah AMP, Encik Mohd Nizam Ismail, biarpun dilakukan secara peribadi, tidak selaras dengan dasar-dasar AMP.

Anggota lembaga AMP telah mengadakan perbincangan terbuka dengan Encik Nizam dan beliau dimaklumkan bahawa AMP berpendirian bahawa semua anggota pengarah perlu mematuhi dasar tersebut.

Namun Encik Nizam mengambil keputusan meletak jawatan.

Ini didedahkan oleh seorang anggota lembaga pengarah AMP yang minta namanya tidak disiarkan.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas tentang peletakan jawatan Encik Nizam sebagai Pengerusi Pusat Penyelidikan Hal Ehwat Islam dan Melayu (Rima) dan daripada lembaga pengarah AMP.

"Saya berpendapat kita perlu mengutamakan prinsip-prinsip AMP.

"Saya gembira kami telah mengambil pendekatan berdasarkan prinsip dalam menyelesaikan isu ini.

"Namun jika direnung kembali, kami mungkin sepatutnya menyelesaikan isu ini lebih awal," kata anggota berkenaan.

Menurut beliau, AMP sepatutnya membentangkan perkara itu sebaik sahaja Encik Nizam melibatkan diri dalam isu-isu di luar AMP.

"Kami awalnya berpendapat beliau berupaya mengasingkan kepentingan peribadinya daripada AMP.

"Namun apabila kami mengimbas kembali, jelas ia tidak dapat dilakukan," katanya.

AMP, tambahnya, telah belajar daripada pengalaman tersebut dan sedia meneruskan usahanya membantu masyarakat Melayu/Islam.

Menurutnya, sebelum ini terdapat beberapa anggota yang telah mengundurkan diri daripada AMP, namun ia berupaya meneruskan usaha membantu masyarakat Melayu/Islam, tambah beliau.

Nizam undur diri daripada Suara Musyawarah

BEKAS anggota lembaga pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Mohd Nizam Ismail, telah mengundurkan diri daripada jawatankuasa bebas bagi mendekati masyarakat Melayu/Islam – Suara Musyawarah.

Keputusan beliau mengundurkan diri daripada jawatankuasa itu didedahkan di laman Facebook beliau semalam.

Mengesahkan perkara itu semalam, pengerusi Suara Musyawarah, Haji Sallim Abdul Kadir, berkata pihaknya menghormati keputusan Encik Nizam.

"Suara Musyawarah dukacita menerima pengunduran Encik Nizam Ismail daripada jawatankuasa kami. Sedang kami menghargai sumbangannya dan mahu beliau terus bersama kami, kami perlu menghormati keputusannya.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Nizam atas sumbangannya sepanjang beberapa bulan ini dan kami ucapkan yang terbaik bagi segala yang bakal beliau lakukan pada masa akan datang," kata Haji Sallim.

Kelmarin, Encik Nizam mengumumkan di Facebook mengenai beliau menarik diri sebagai pengarah AMP dan pengerusi

sayap penyelidikan badan itu, Pusat Penyelidikan Hal Ehwat Islam dan Melayu (Rima).

Dalam pos semalam, Encik Nizam, 46 tahun, berkata langkah meninggalkan jawatankuasa Suara Musyawarah itu dibuat "atas dasar prinsip diri saya".

Menurut Encik Nizam, beliau telah menyuarakan hasratnya itu kepada Suara Musyawarah Isnin lalu – hari beliau mengundurkan diri daripada AMP dan Rima – namun diminta oleh pengerusi dan dua naib pengerusi jawatankuasa itu supaya tidak berbuat demikian.

Encik Nizam berkata beliau telah berfikir dengan masak-masaknya mengenai permintaan mereka, namun tetap dengan keputusan beliau.

"Beberapa insiden sebelum ini, pada pandangan saya, telah menunjukkan keengganan pihak pemerintah menerima kepelbagaian pendapat. Saya juga tidak setuju dengan cara ancaman yang digunakan untuk menarik semula dana bagi mendiamkan para kritik, atau mencegah penyertaan dalam pertubuhan sivil.

"Saya ucapkan selamat kepada anggota jawatankuasa Suara Musyawarah," kata Encik Nizam.